

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 5 Tahun 2023

Mei 2023

SESI PERKONGSIAN ILMU AKRAB BILANGAN 2 : SENI BERKOMUNIKASI

PUTRAJAYA, 10 Mei 2023 – Sesi perkongsian ilmu AKRAB, Bilangan 2, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah diadakan secara atas talian. Ceramah yang bertajuk Seni Berkomunikasi telah disampaikan oleh Puan Faradillah binti Rosli dari Bahagian Agama dan Kaunseling, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompentensi dan kemahiran; menambah pengetahuan dan pengalaman; serta perkongsian pandangan dan idea berkaitan AKRAB bagi memantapkan proses membantu dan membimbing klien serta organisasi.



- ❖ Seramai 50 Orang Ahli AKRAB dari seluruh mahkamah negeri telah menyertai program ini dengan jayanya.
- ❖ Program ini telah diakhiri dengan sesi soal jawab dan segi bergambar di antara peserta dengan penceramah.



BULETIN @ PSIKOLOGI


BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

KURSUS KEWANGAN BERHEMAT :

“TANGGUNGJAWAB BERMULA DARI SAYA” PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)



PUTRAJAYA, 11 Mei 2023 – Cawangan Psikologi Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya (PKPMP) telah berjaya melaksanakan Kursus Kewangan Berhemat: “Tanggungjawab Bermula Dari Saya”. Pelbagai topik menarik yang telah disampaikan oleh penceramah iaitu Encik Asyraf bin Mohd Karid daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Seramai 114 warga kehakiman dari PKPMP dan juga seluruh mahkamah negeri telah hadir mengikuti kursus ini



TARIKH : 11 MEI 2023

PLATFORM : ATAS TALIAN (ZOOM MEETING)
JUMLAH PESERTA : 114 WARGA KEHAKIMAN



Objektif kursus ini adalah :

- Meningkatkan kesedaran pentingnya pengurusan kewangan berhemat kepada peserta;
- Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan pengurusan kewangan berdasarkan matlamat kewangan peribadi dan potensi kewangan semasa;
- Meningkatkan pengetahuan peserta dengan prinsip-prinsip pengurusan kewangan yang dapat diperaktikkan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan peribadi.

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

PROGRAM PASCA AKRAB : TERAPI SENI DALAM BIMBINGAN

KEDAH, Seramai 29 peserta dan 8 peserta wakil dari Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah hadir dengan jayanya untuk program pasca AKRAB : terapi seni bimbingan yang telah dianjurkan oleh Seksyen Pengurusan Psikologi, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 18 hingga 20 Mei 2023, bertempat di *The Jerai Hotel*, Alor Setar Kedah.

Kursus ini diadakan bertujuan sebagai penambahan ilmu dan kemahiran kepada ahli AKRAB ketika berhadapan dengan pelbagai isu dalam proses bimbingan. Peserta akan diberikan pendedahan berhubung aspek pengenalan kepada terapi seni, perbezaan antara terapi seni, kelebihan menggunakan terapi seni dalam bimbingan dan kesan terapi seni kepada diri individu.

Penceramah yang dijemput khas iaitu YBrs. Dr. Rafidah bt Kastawi melalui modul R.E.S.T. Kuliah telah disempurnakan sebanyak tiga (3) slot. Di samping itu juga, peserta melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR). Dalam penugasan CSR ini, peserta membantu persiapan sebelum kenduri majlis perkahwinan atau *rewang* (bahasa jawa gotong royong) pada anak kepada mantan Ahli AKRAB JPM.

Program ini telah berjalan dengan lancar dan peserta AKRAB JPM mengharapkan ada kesinambungan siri lanjutan berkenaan terapi seni di masa akan datang.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

KURSUS PEMBANGUNAN RAKAN PERKHIDMATAN AWAM (PRA AKRAB) TAHAP 1, PEJABAT KETUA PENDAFTAR, MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

PUTRAJAYA, Kursus Pra AKRAB Tahap 1 telah dihadiri seramai 76 orang peserta yang dicalonkan oleh pengarah di setiap Negeri berdasarkan personaliti kendiri dan komitmen. Kursus ini telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 23 hingga 25 Mei 2023, bertempat di Dewan Banquet dan Dewan Persidangan Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP). Tujuan utama kursus ini untuk memastikan setiap warga kehakiman menghayati sepenuhnya keperluan membudayakan integriti, memantapkan sahsiah diri, melaksanakan tugas dengan beretika dan humanistik.

Kursus ini telah dikendalikan oleh 3 orang pegawai dari Unit Kaunseling & Psikologi, Jabatan Perdana Menteri iaitu Puan Siti Zubaidah binti Othman, Encik Mohamad Fauzi bin Saad dan juga dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Ami binti Patola. Setelah 3 hari berkursus semua peserta perlu menjalani ujian dengan menjawab soalan-soalan yang disediakan oleh JPA melalui atas talian (online) sebanyak 50 soalan. Setelah tamat kursus tahap 1 ini, peserta wajib menjalani kursus Pra AKRAB Tahap 2 untuk melengkapkan syarat sebelum ditauliahkan sebagai pegawai AKRAB sepanjang perkhidmatan.



Puan Siti Zubaidah
23 Mei 2023



Encik Mohamad Fauzi
24 Mei 2023



Puan Ami
25 Mei 2023